

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)**

**SOALAN:**

**YB Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan semua usaha untuk membantu mangsa banjir besar 2014.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk membantu mangsa banjir, Kerajaan telah menyediakan tiga jenis bantuan iaitu pembinaan rumah kekal baru, pembaikan rumah dan bantuan wang ihsan.

Untuk pembinaan rumah kekal baru, sehingga 15 Mei 2015, sebanyak 1,985 buah rumah kekal baru telah dikenalpasti untuk dibina. Dari jumlah tersebut, sebanyak 21 buah rumah kekal baru telah siap dibina, 266 buah dalam peringkat pembinaan dan baki 79 buah berada dalam peringkat pra-bina. Sebanyak 1,046 buah rumah kekal baru akan dibina apabila segala urusan berkenaan status tapak diselesaikan dengan Pihak Berkuasa Negeri.

Mengenai pembaikan rumah, sebanyak 6,693 permohonan untuk pembaikan rumah telah diterima sehingga 11 Mei 2015. Dari jumlah tersebut, sebanyak 4,463 buah rumah telah diverifikasi layak untuk dibaiki. Sebanyak 2,540 buah rumah telah siap dibaiki, 1,120 buah rumah sedang dibaiki dan baki 803 buah sedang dalam proses perolehan kerja.

Untuk bantuan wang ihsan, seramai 156,447 ketua isi rumah telah dikenalpasti layak untuk menerima bantuan tersebut. Setiap ketua isi rumah akan menerima wang ihsan sebanyak RM500. Setakat 11 Mei 2015, seramai 136,688 ketua isi rumah telah menerima bantuan wang ihsan berkenaan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM68.34 juta.

Seramai 19,759 ketua isi rumah lagi akan menerima bantuan tersebut dalam jangka masa terdekat.

Sekian. Terima kasih.